

Warta Warisan

ورتا واریشن



Majlis Perbandaran Klang

Bil. 03/2021

Jilid 1

Mac 2021

Naskah Percuma



Menarik di dalam

Peta Klang 1799

Villa Bariah



Klang ke arah Bandar Raya Warisan Diraja

Klang, 19 Mac 2019 – Menerusi projek Rancangan Tempatan (RT) MPK 2035 (Penggantian), bandar Klang dijangka bakal menjadi Bandar Raya Warisan Diraja pertama di Malaysia menjelang tahun 2035.

Menurut Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, Datuk Mohamad Yasid Bidin, dengan kerjasama dan sokongan pelbagai pihak, perkara ini tidak mustahil untuk dicapai. Usaha-usaha ke arah memperkasakan Klang sebagai Bandar Raya Warisan Diraja dengan penekanan pembangunan secara mampan, holistik, berimejkan bandar warisan dan digital sedang giat dilaksanakan oleh MPK.

Penyelidik Sejarah Selangor, Faisal Surani, berkata MPK harus memberi penekanan terhadap ciri-ciri bandar diraja dalam segala perancangan pembangunannya di Klang.

“Sokongan pihak istana serta komitmen kerajaan negeri amat penting dalam merealisasikan usaha ini.

“Bandar Diraja mempunyai beberapa ciri tertentu yang membezakannya dengan ibu negara dan bandar-bandar lain.

“Pihak berkuasa juga perlu memberi penerangan dan pendidikan tentang konsep Bandar Diraja kepada penduduk Klang khasnya warga asing yang tidak memahaminya,” tambah beliau lagi.

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:

Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pejabat: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik
Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif
Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sarip



**Jejak Warisan Tokoh:
YMM Tengku Hajah Bariah
Binti
Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj**



Tengku Bariah dilahirkan pada 31 Ogos 1933 di Klang, Selangor, adalah puteri kepada Sultan Hisamuddin Alam Shah dan Cik Puan Kalsum binti Mahmud. Adinda kepada Sultan Salahuddin Abdul Aziz ini mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Klang serta Maktab Perempuan Melayu (Kolej Tunku Kurshiah) Kuala Lumpur, sebelum melanjutkan pengajian di *Cuckfield Park College, Sussex*.

Pada usia 18 tahun, baginda telah mendirikan rumah tangga dengan Tengku Mahmud ibni Sultan Ismail Nasiruddin, Yang di-Pertuan Muda Terengganu, di Kuala Lumpur pada 22 Mac 1951 dan dikurniakan gelaran Tengku Puan Muda pada 7 April 1954. Baginda bersemayam di Istana Bukit Jambul, Kuala Terengganu.

Baginda bergelar Tengku Ampuan Besar Terengganu pada 20 September 1979 sehingga tahun 1998. Setelah kemangkatan suaminya, baginda bergelar Tengku Ampuan. Baginda masih mengekalkan kedudukan baginda sebagai ahli terkanan kerabat diraja Selangor malah turut berangkat ke istiadat pertabalan putera saudaranya, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj pada 9 Mac 2003.

Tengku Ampuan Bariah mangat pada 21 Mac 2011 di Hospital Seri Kota, Klang tanpa meninggalkan zuriat. Jenazah baginda telah diterbangkan ke Kuala Terengganu dan dimakamkan di Makam Diraja berhampiran Masjid Al-Muktafi Billah Shah di Kuala Terengganu, bersebelahan dengan makam almarhum suaminya.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Sering kali persoalan apakah warisan dan kepentingannya dilontarkan kepada saya.

Ringkasnya warisan merupakan sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan.

Khazanah ini merangkumi ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup dan kepercayaan yang dapat dilihat melalui objek budaya. Ia menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat itu.

Di Klang, peninggalan pelbagai objek warisan sama ada ketara atau tidak ketara, menggambarkan wajah Klang. Dari rakyat marhaen hingga istana, dengan gabungan kepelbagaiannya budaya telah membentuk Klang sebagaimana yang kita lihat hari ini.

Seharusnya warisan menjadi wadah perpaduan pelbagai kaum di Klang. Janganlah kerana hendak mengejar pembangunan kita lupakan terus asal usul kita sedangkan warisan inilah yang telah membentuk siapa kita pada hari ini.

Bulan ini WW menyiaraskan dua artikel ringkas tentang Almarhum Tengku Ampuan Hajah Bariah, Tengku Ampuan Terengganu, berkait cadangan untuk membangunkan tapak rumah Almarhum di Kampung Jawa, Klang. Semoga kedua-dua artikel ini dapat memberi latar belakang rumah berkenaan.

Salam hormat.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*



Kutub Khanah Kurator: Peta Lama Pantai Klang Tahun 1799



Peta sebelah menunjukkan pantai Selangor dari Tanjung Karang hingga Sungai Linggi pada tahun 1799, dipetik daripada carta pelayaran British dari *Cape of Good Hope*, Afrika ke China dan New Zealand.

Keunikan peta ini adalah terdapatnya lakaran bukit serta pantai, waktu air pasang surut dan catatan panduan untuk mengemudi kapal di perairan Selat Melaka pada waktu itu.

Petunjuk:

Pulo Anza	=	Pulau Angsa
Callam	=	Klang
Parcelar Hill	=	Bukit Jugra
Cape Caran	=	Tanjung Karang
Cape Rachado	=	Tanjung Tuan

Peta beresolusi tinggi ini adalah sebahagian dari Koleksi Peta Klang yang terdapat dalam Pangkalan Data Sejarah dan Warisan Klang yang sedang dirancang untuk dibangunkan di Pusat Sumber MPK.



Klang 1890-1990: Sejarah dan Pentadbiran

Buku ini merupakan penerbitan pertama buku bertemakan sejarah oleh MPK. Diterbitkan pada tahun 1990, penerbitan buku ini adalah kerjasama MPK Pejabat Daerah Klang dan Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Buku yang disunting oleh Mohd. Sarim Haji Mustajab dan Dr. Khazin Mohd. Tamrin, mengandungi koleksi artikel sejarah yang dibentangkan pada Seminar Sejarah Klang yang diadakan bersempena dengan Sambutan 100 Tahun Pentadbiran Klang di Dewan Hamzah pada hari Sabtu, 18 Ogos 1990.

Klang, 3 Mac 2007 – Yang Dipertua MPK, Abdul Bakir Zin sedang menerangkan pembinaan bangunan empat tingkat E-Library MPK yang menelan belanja hampir RM 13 juta termasuk pemasangan kabel gentian optik bagi memastikan kelajuan internet di perpustakaan sentiasa berada pada tahap optimum.

Mengikut perancangan, Perpustakaan atau E-Library MPK akan berada di tingkat bawah manakala bahagian kanak-kanak akan pula di tingkat tiga dan empat. Ia akan dibuka kepada orang ramai di samping untuk kegunaan kakitangan MPK dan akan dibuka setiap hari termasuk hari Ahad kecuali cuti umum.

Pembinaan E-Library MPK



foto: akhbar The Star



Klang, 5 Februari 2021 - Kediaman yang terletak di Lot 63185, Jalan Kota Raja (Batu 2 ½, Jalan Shahbandaraya, 41000 Klang) dikenali sebagai Villa Bariah. Namanya diambil sempena nama adinda kepada Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Al-Haj iaitu Tengku Hajah Bariah binti Sultan Hisamuddin.

Vila ini terletak di atas tanah milik adik beradik Tengku Hajah Bariah seramai 7 orang dengan lot tanah masing-masing. Terdapat beberapa buah istana dan kediaman kerabat di kawasan ini namun majoritinya telah dijual dan dirobohkan.

Monumen Warisan Klang: Villa Bariah

Reka bentuk rumahnya yang unik bercirikan budaya Melayu tempatan, bergaya istana dan terletak di deretan istana di kampung Jawa, Klang. MPK bersama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) sedang bekerjasama dan berusaha agar rumah ini dikekalkan dan diwartakan sebagai satu aset warisan Diraja Selangor di bandar Klang.

Dari Album Pusat Sumber MPK



Persiapan kenderaan berhias milik PKNS sebagai persediaan program Perarakan Kereta Berhias sempena Majlis Perasmian Sambutan 100 Tahun Pentadbiran Klang pada 3 Mac 1990 di Padang Sultan Suleiman



Pasukan artilleri British memberi tembakan meriam sebagai tanda penghormatan sempena hari keputeraan Sultan Hisamuddin Alam Shah pada 13 Mei 1946 di Padang Sultan Suleiman, Klang. Salah satu foto yang terdapat dalam Pangkalan Data Sejarah dan Warisan di Pusat Sumber MPK.

Klang Tempoh Dulu